

22/01/2003

Sumber domestik biaya pakej tambahan

Badrila Jamlus

KERAJAAN akan menggunakan dana daripada sumber domestik bagi membiayai pakej rangsangan ekonomi tambahan yang akan diumumkannya tidak lama lagi.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis, berkata sumber domestik menjadi pilihan kerana kadar kecairan tunai dalam sistem kewangan negara kini adalah mencukupi.

"Pembiayaan bukannya satu isu kerana kita mempunyai tahap kecairan domestik mencukupi yang menjadi pilihan bagi menjana pakej rangsangan ini selain defisit yang stabil.

"Pakej ini juga turut disokong beberapa faktor termasuk asas ekonomi yang kukuh seperti kadar faedah rendah selain kerajaan memiliki pelbagai pilihan untuk menjana ekonomi.

"Ini menjadi kelebihan kepada negara," katanya selepas merasmikan mesyuarat agung tahunan Persatuan Pengilang-Pengilang Bumiputera Malaysia (PPBM) di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu, Jamaludin yang juga bekas Presiden PPBM turut menerima memorandum daripada persatuan berkenaan dan mengadakan dialog dengan ahlinya.

Bagaimanapun, beliau enggan mengulas mengenai jumlah dana yang akan diperuntukkan bagi tujuan melaksanakan pakej rangsangan ekonomi tambahan itu.

Kelmarin, Jamaludin mengumumkan kerajaan akan melaksanakan pakej rangsangan ekonomi tambahan ketika pengumuman angka Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku akan datang.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan akan mengumumkan pakej rangsangan ekonomi tambahan itu.

Jamaludin berkata, kerajaan yakin mampu mencatatkan pertumbuhan KDNK minimum empat peratus pada 2002 walaupun Malaysia menerima kesan kelemahan pertumbuhan ekonomi Amerika.

Sehubungan itu katanya, beliau juga berharap bahawa KDNK negara akan mencatatkan pertumbuhan yang lebih baik iaitu di antara lima hingga enam peratus tahun ini.

Beliau berkata, kerajaan akan melihat kepada semua aspek berkaitan ekonomi bagi merumuskan pakej rangsangan ekonomi tambahan itu untuk menjamin keberkesannya.

Katanya, kerajaan juga akan melihat faktor dalaman bagi merangka strategi baru seperti angka suku tahunan KDNK dan faktor luaran seperti isu krisis Amerika-Iraq.

"Bagi suku pertama tahun ini kerajaan akan meneruskan dasar yang sudah dilaksanakan tahun lalu dengan tumpuan kepada sektor swasta yang akan menjadi penjana pertumbuhan ekonomi," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan sudah mengarahkan Bank Negara Malaysia memantau arah aliran pemberian pinjaman oleh bank komersial kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Bank komersial diarah menghantar laporan bulanan kepada bank pusat mengenai pengaliran keluar pinjaman kepada PKS kerana ia berupaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara," katanya.

"Bank terbabit juga perlu mempercepatkan kelulusan pinjaman kepada PKS yang memenuhi syarat pinjaman dan mengurangkan birokrasi agar kegiatan ekonomi domestik dapat dijana," katanya.

Beliau turut menegur bank yang mengambil masa terlalu lama kadang-kadang

sehingga 12 bulan untuk memproses permohonan pinjaman syarikat PKS  
sehingga mereka terpaksa gulung tikar.